

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN BERTULIS

**DARIPADA Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]**

SOALAN :-

**Y.B. Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah Kementerian akan tetap
meneruskan perlonggaran syarat pinjaman melalui pemaju perumahan.
Apakah modul yang diguna pakai untuk melaksanakan cadangan tersebut.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak akan melonggarkan syarat-syarat pinjaman melalui pemaju perumahan yang mendapat lesen pemberi pinjam wang (PPW). Sebaliknya, Kementerian sedang mengkaji kemungkinan akan akan mengenakan syarat-syarat tambahan jika bersesuaian seperti:

- i. menghadkan skop pemberian pinjaman untuk tujuan menjelaskan bayaran deposit pembelian rumah sahaja;
- ii. pemohon hendaklah mempunyai permit iklan dan lesen pemaju (APDL) yang sah daripada Jabatan Perumahan Negara; dan
- iii. syarikat yang memohon lesen PPW wajib mempunyai keahlian dalam Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) yang sah.

**Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

November 2016